

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS,  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU  
[ SARIKEI]**

**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siapakah kontraktor utama untuk projek pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo. Adakah kontraktor utama tersebut mempunyai sebarang pengalaman untuk pembinaan lebuhraya. Siapakah nama Pengarah bagi syarikat yang ditawarkan kontrak pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo tersebut.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak telah diperetuji secara prinsip oleh Kerajaan untuk dilaksanakan secara kerjasama awam swasta (*public private partnership - PPP*) di mana pihak syarikat akan membiayai pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo ini terlebih dahulu dan diberikan konsesi untuk menyelenggara keseluruhan jajaran Lebuhraya Pan Borneo di negeri tersebut untuk suatu tempoh konsesi yang tertentu. Syarikat yang telah dikenalpasti untuk menandatangai perjanjian konsesi bagi projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak ialah Lebuhraya Borneo Utara Sdn Bhd (LBUSB). Lembaga pengarah LBUSB adalah seperti berikut:

- i) YBhg. Tan Sri Datuk Abang Ahmad Urai bin Datu Abang Haji Mohideen;
- ii) YBhg. Rosli bin Hussin;
- iii) Encik Mohd Khalil bin Dan;
- iv) Encik Muliana bin Munir;
- v) Encik Safuani bin Abdul Hamid;
- vi) Puan Sharifah Noor Ashikin binti Ashikin Sy Aznal; dan
- vii) Encik Mohamad Zaidee bin Abang Hipni.

LBUSB sebagai syarikat konsesi akan melantik kontraktor pembinaan setelah perjanjian konsesi ditandatangani kelak. Walau bagaimanapun, perjanjian konsesi masih di peringkat rundingan dan ianya hanya akan dimuktamadkan setelah rundingan selesai.

Sebagaimana pelaksanaan projek-projek PPP yang lain, LBUSB dipilih sebagai syarikat konsesi bagi projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak berdasarkan kriteria penting yang perlu ada bagi setiap syarikat konsesi, antara lain seperti berikut:

- (1) mempunyai keupayaan dari segi teknikal berhubung pelaksanaan projek. Dalam konteks ini, keupayaan dan pengalaman dalam melaksanakan projek lebuh raya; dan
- (2) mempunyai keupayaan dari segi kewangan termasuklah keupayaan untuk menyediakan pelaburan modal dalam bentuk ekuiti dan keupayaan untuk mendapatkan pembiayaan komersil sama ada daripada sumber perbankan atau sumber pasaran modal.

Sungguhpun Kerajaan telah bersetuju secara prinsip supaya projek Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sarawak dilaksanakan secara PPP, Kerajaan juga sedang mengkaji kaedah dan model pelaksanaan yang lain seperti kaedah yang digunakan untuk pelaksanaan projek Mass Rapid Transit (MRT) iaitu pelaksanaan melalui *project delivery partner* (PDP).

Sekian, terima kasih.